

NO. SOALAN: 374

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB BUKAN LISAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN NIK
ABDUL AZIZ
[PASIR MAS]**

SOALAN :

Tuan Nik Mohamad Abduh Bin Nik Abdul Aziz [Pasir Mas] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah perkembangan terkini tindakan Kerajaan bagi mengatasi masalah pertembungan industri teksi dan perkhidmatan GrabCar, Uber di negara ini.

JAWAPAN: YB DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Seperti mana yang telah diumumkan, Kerajaan telah melancarkan Pelan Transformasi Industri Teksi (TITP) yang membariskan 11 inisiatif yang mengambilkira kepentingan semua pihak dalam mengatasi masalah pertembungan industri teksi dan perkhidmatan *e-hailing*.
2. Pelaksanaan inisiatif-inisiatif TITP yang telah diterangkan kepada umum kini giat dijalankan. Dalam perkembangan terkini pelaksanaan program TITP tersebut, sehingga kini, Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) telah meluluskan sebanyak 1,722 lesen individu melalui inisiatif Pemberian Lesen Individu. Pada masa yang sama, sebanyak 431 geran tunai sebanyak RM5,000 sebagai bantuan bayaran pendahuluan pembelian kenderaan teksi baru juga telah diluluskan kepada pemandu yang layak.
3. Bagi menggalakkan penggunaan teknologi dalam industri teksi, inisiatif Pengenalan Tambang Dinamik diperkenalkan bagi membolehkan pemandu teksi turut boleh mengguna pakai telefon pintar sebagai meter digital sebagai kadar tambang yang telah ditetapkan oleh penyedia perkhidmatan *e-hailing* semasa beroperasi.
4. Di samping itu, melalui inisiatif pengawalseliaan penyedia perkhidmatan *e-hailing* telah menunjukkan perkembangan positif setelah pindaan Akta-akta berkaitan diluluskan di Parlimen pada sesi

lalu. Proses penyediaan polisi berkaitan sedang dimuktamadkan melalui perbincangan bersama Jabatan Pengangkutan Jalan, Kementerian Pengangkutan, penyedia insurans, Bank Negara Malaysia dan juga operator-operator *e-hailing*.

5. Selain daripada itu, SPAD juga telah berjaya menggalakkan beberapa syarikat penyedia perkhidmatan *e-hailing* seperti Uber dan Grab bekerjasama dengan pemandu-pemandu dan persatuan-persatuan teksi dengan membenarkan teksi berada di dalam platform yang sama seperti Grab Taxi dan Uber Taxi. Selain daripada itu, penyedia perkhidmatan *e-hailing* juga telah memperkenalkan fungsi *Just Grab* dan *Uber Flash*, iaitu menyediakan kenderaan tanpa mengira jenis kenderaan bagi mengelakkan diskriminasi pemilihan perkhidmatan oleh teksi atau kereta biasa.

6. Dalam masa yang sama, SPAD juga turut membenarkan teksi menggunakan kadar tambang dinamik seperti yang dikenakan oleh penyedia perkhidmatan *e-hailing* sekiranya tempahan teksi dibuat melalui aplikasi *e-hailing*. Ini bagi membantu teksi untuk bersaing dengan adil dan lebih kompetitif.

Sekian, terima kasih.